

# Kilauan Kimia: Ikutlah Kata Hati Anda!

written by Hazrul | 26/07/2023

Ikutilah kisah Dr Sheela yang telah mengikut kata hatinya untuk menjadi seorang sarjana dalam bidang kimia!

Saya dilahirkan ke dalam sebuah keluarga campuran yang agak besar. Berkat jodoh ibu saya yang berbangsa Cina dengan bapa saya yang berbangsa India, mereka dikurniakan lima cahaya mata.

Keluarga kami tidak berada ataupun senang, namun ibu bapa saya mencuba sebaik mungkin dalam memastikan yang kami lima adik-beradik mengutamakan pendidikan supaya kehidupan kami lebih baik daripada mereka.



*Dr Sheela sewaktu di bangku sekolah.*

Sebagai anak bongsu, saya membesar dengan banyak mencontohi dan belajar dari adik-beradik yang lain. Sejak kecil lagi, kami diajar bahawa cara untuk melepaskan diri daripada belunggu kesusahan adalah dengan memperoleh kerjaya yang baik

Sepanjang saya membesar, saya sering menganggap yang kerjaya dalam bidang sains bakal memberikan saya gaji yang lumayan. Tambahan pula, pada zaman tersebut, semua pelajar cemerlang akan secara automatik mengambil jurusan sains. Namun begitu, kini saya sedar bahawa tanggapan ini tidak tepat.

Berbekalkan keazaman untuk tergolong dalam kalangan mereka yang cemerlang, saya mengorak langkah dan berusaha dengan gigih untuk memastikan saya mengambil aliran sains di sekolah menengah. Atas usaha dan penat lelah, saya berjaya memperoleh keputusan yang sangat membanggakan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pasca SPM, saya ditawarkan peluang keemasan untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang kimia di sebuah universiti awam tempatan. Ketika itu, saya berhadapan dengan suatu dilema: adakah saya patut meneruskan pelajaran ke tingkatan enam untuk mengambil Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), atau saya patut terus mara ke menara

gading?



*Dr Sheela turut bergiat aktif di bawah YSN-ASM untuk mempopularkan sains kepada masyarakat umum.*

Akhirnya, saya memilih untuk melanjutkan pelajaran saya di [Universiti Teknologi Malaysia \(UTM\)](#) untuk mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda ([Kimia Industri](#)). Walaupun langkah melanjutkan pelajaran terus ke universiti adalah suatu pilihan yang menarik, sejujurnya bidang kimia bukanlah pilihan utama saya.

Pada awal pengajian, terdapat sedikit penyesalan kerana saya mengikut kata hati. Walau bagaimanapun, ternyata pilihan yang saya buat adalah pilihan yang tepat. Sepanjang pengajian saya, saya dapati bahawa peluang yang saya berikan kepada diri saya untuk memupuk minat terhadap bidang kimia memang berbaloi.

Saya sangat bersyukur kerana mempunyai kumpulan pensyarah dan mentor yang bergiat aktif dalam membimbing dan menyokong saya untuk mendalami minat saya terhadap bidang kimia.

Selepas memperoleh ijazah sarjana muda, saya berdepan dengan satu lagi pilihan: adakah saya patut menempuh alam pekerjaan atau meneruskan minat saya dalam bidang penyelidikan melalui pengajian sarjana?

Sekali lagi, saya mengikut kata hati dan memilih untuk melanjutkan pengajian saya. Walaupun penuh dengan cabaran, minat dan kecenderungan saya terhadap bidang kimia benar-benar diasah semasa pengajian sarjana.

Pada peringkat sarjana, saya telah diajar selok-belok dalam proses penyelidikan yang bukan sahaja merangkumi kerja makmal, malah kerja-kerja belakang tabir seperti permohonan geran, pengurusan makmal, penerbitan jurnal dan banyak lagi.

Di penghujung pengajian sarjana, saya telah mencuba nasib dengan memohon salah satu biasiswa tersohor daripada kerajaan Jepun untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat doktor falsafah di [Hokkaido University](#) di negara Jepun. Alangkah bertuahnya saya kerana berjaya

terpilih sebagai salah seorang penerima biasiswa tersebut!

Di negara Matahari Terbit itu, minat saya dalam bidang penyelidikan sains semakin mendalam. Dengan pendedahan terhadap penyelidikan melalui kerja makmal, mesyuarat saintifik dan peluasan jaringan antarabangsa, komitmen saya untuk melangkah ke alam kerjaya sains terus membara.



*Dr Sheela di makmal.*

Kini, saya bertugas sebagai seorang penyelidik dan pensyarah kanan di UTM. Selain tugas utama saya sebagai seorang pensyarah, saya juga bergiat aktif dalam program khidmat masyarakat, terutamanya yang melibatkan wanita, kanak-kanak, dan mereka yang kurang bernasib baik. Misi saya adalah untuk menimbulkan kesedaran, menggalakkan minat terhadap sains serta memastikan lebih banyak lagi penyertaan golongan tersebut dalam bidang [STEM](#).

Jika ingin difikirkan semula, saya telah menyertai aliran sains berdasarkan tanggapan yang kurang tepat. Namun, saya bersyukur kerana telah tiba di destinasi pada masa ini. Berdiri saya di sini kerana saya telah mengikut kata hati saya suatu masa dahulu.

Disediakan oleh:

**Chm Dr Sheela Chandren**

**Pensyarah Kanan**

**[Jabatan Kimia, Fakulti Sains](#)**

**Universiti Teknologi Malaysia**

*Artikel ini disediakan di bawah siri Inspirasi Saintis Muda Wanita, sebuah kolaborasi antara e-*

*estidotmy dengan Young Scientists Netwok-Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM).*